

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA
DI SHAH ALAM, SELANGOR**

TUNTUTAN NO : TTPM-B-(B)-608-2010

MOHAMAD SHUKRI BIN JAMALUDIN - PIHAK YANG MENUNTUT
TAN AUTOMOBILE CENTRE - PIHAK PENENTANG
SDN. BHD.

ALASAN PENGHAKIMAN

FAKTA KES

Di dalam kes ini, Pihak Yang Menuntut (PYM) telah membatalkan satu pembelian sebuah kereta terpakai yang di beli dari Pihak Penentang (PP) atas alasan –

- (i) Proses pembelian yang terlalu lama di mana selepas 4 bulan ia masih belum selesai.
- (ii) Pinjaman yang di luluskan untuk pembelian kereta tersebut tidak mencukupi untuk membayar baki harga kereta.

Oleh kerana PYM telah membatalkan pembelian, PYM menuntut dari Pihak Penentang (PP) untuk membayar balik wang pendahuluan sebanyak RM2,500.00 yang di katakana telah di bayar kepada PP.

PP di dalam pembelaannya menyatakan bahawa PYM tidak pernah membayar wang pendahuluan sebanyak RM2,500.00 sebaliknya PYM hanya membayar 'booking fee' sebanyak RM100.00 yang tidak boleh di pulangkan kerana ia di gunakan untuk bayaran pengurusan dan kos penyimpanan kereta. PP juga menyatakan bahawa pembelian di batalkan kerana PYM telah gagal untuk membayar baki pendahuluan sebanyak RM2,400.00 dan urusan pinjaman untuk pembelian kereta tersebut tidak dapat di teruskan kerana PYM gagal untuk mengemukakan penjamin yang berkualiti.

ISU

Oleh kerana kedua-dua pihak tidak mempertikaikan pembatalan perjanjian jual beli kereta di antara PYM dan PP maka isu yang hanya perlu di putuskan di dalam kes ini ialah sama ada PYM telah membayar kepada PP pendahuluan sebanyak RM2,500.00 atau hanya membayar bayaran tempahan sebanyak RM100.00 sahaja.

Jika PYM telah membayar RM2,500.00 apakah remedi yang boleh di dapati oleh PYM.

Daripada keterangan yang di kemukakan oleh kedua-dua pihak saya mendapati :

Saya mendapati keterangan PYM yang mengatakan ia sebenarnya telah membayar RM2,500.00 boleh di percayai kerana keterangan beliau di sokong dengan keterangan-keterangan lain iaitu;

- (i) Terdapat satu surat bertarikh 29.11.2010 (lampiran bertanda PYM3) daripada PYM kepada PP yang memohon untuk mendapatkan kembali wang pendahuluan sebanyak RM2,500.00. Surat ini tidak di balas oleh PP. Sekiranya PYM tidak membayar seperti yang tuntutan di dalam surat tersebut sepatutnya PP membalas surat tersebut untuk mempersoalkannya atau menafikan pembayaran yang di katakana oleh PYM. Walaupun surat ini di kemukakan di tribunal ia langsung tidak di periksa atau di cabar oleh wakil PP yang hadir di Tribunal.
- (ii) PYM memberi keterangan di dalam tribunal bahawa pada bulan sebelas 2010 seorang wanita bernama Datin Eva Lee (Pegarah Syarikat Tan Automobile Sdn Bhd) telah menelefon PYM dan memberitahu PYM bahawa beliau akan memotong RM1,000.00 (satu ribu ringgit) dari bayaran pendahuluan yang di bayar oleh PYM sebagai bayaran proses dan beliau akan memulangkan hanya RM1,500.00 tetapi PYM tidak bersetuju. Keterangan PYM tidak di cabar oleh PP di Tribunal sedangkan PP mempunyai peluang untuk membawa Datin Eva ke Tribunal untuk mencabar keterangan tersebut. Saya berpendapat jika benar apa yang di katakana oleh PP bahawa PYM hanya membayar wang tempahan sebanyak RM100.00 sahaja (satu ratus ringgit) maka Datin Eva Lee

tidak akan menawarkan untuk memulangkan sebanyak RM1,500.00 (satu ribu lima ratus ringgit). Keterangan ini jelas menyokong bahawa PYM telah membayar wang pendahuluan sebanyak RM2,500.00 dan tidak membayar hanya RM100.00 (satu ratus ringgit) sahaja seperti yang di katakana oleh PP.

- (iii) PYM telah mengemukakan satu resit bernombor 02795 (lampiran bertanda PYM 6) bertarikh 20.8.2010 yang menunjukkan PYM telah membuat satu bayaran tempahan kereta WAJA 2006 berjumlah RM1,900.00 (satu ribu Sembilan ratus ringgit). Resit ini tidak di cabar oleh PP di Tribunal. Oleh itu PYM jelas telah membuat bayaran melebihi satu ratus ringgit .
- (iv) Seterusnya PYM menyatakan pada 23.3.2010 ia telah membuat bayaran lagi dan menjadikan jumlah bayaran sepenuhnya RM2,500.00 dan apabila ia meminta dari juru jual yang bernama Hanan resit yang menyatakan bahawa ia telah membayar keseluruhan RM2,500.00. jurujual tersebut telah menulisnya di resit yang sama bertanda (PYM 5) di dalam ruangan Try Payment jumlah RM2,500.00. Wakil PP mencabar keterangan ini dengan mengatakan jumlah RM2,500.00 yang tertulis di resit tersebut bukan menunjukkan jumlah yang telah di bayar tetapi jumlah yang perlu di bayar. Saya mendapati keterangan wakil PP sukar untuk di terima kerana ia bukannya orang yang menulis resit tersebut dan ia tidak mengemukakan keterangan orang yang menulis resit tersebut.
- (v) PP di dalam pembelaan hanya menafikan kepada penerimaan bayaran pendahuluan sebanyak RM2,500.00 dan mengatakan PYM hanya membayar RM100.00 sahaja. PP tidak mengemukakan apa-apa keterangan lain. Oleh itu saya mendapati PP di dalam pembelaannya semata-mata menafikan tuntutan PYM dan saya berpendapat penafian bukannya satu pembelaan.

Berdasarkan kepada keterangan dan alasan yang di kemukakan di tribunal dan di atas imbalan kebarangkalian saya membenarkan tuntutan PYM dan memberi award seperti yang di peruntukan di bawah Seksyen 112 (d) Akta Pelindungan Pengguna 1999 yang memperuntukkan, "supaya harga atau apa-apa balasan lain yang di bayar atau di bekalkan oleh pengguna atau mana-mana orang lain di bayar balik kepada pengguna atau orang lain".

Oleh itu saya memberi Award supaya wang pendahuluan untuk membeli kereta yang telah di bayar kepada PYM kepada PP ia itu sebanyak RM2,500.00 di bayar balik oleh PP kepada PYM dalam masa 14 hari dari tarikh award di serahkan kepada PP.

SITI NAAISHAH BINTI HAMBALI
PRESIDEN
TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
MALAYSIA.

Tarikh: 06 Januari 2011

